



SUK.D200(06)600/9/Jld 15 (26)

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 3 TAHUN 2020**

KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2020 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa **mulai 1 Januari 2020**.
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web www.kelantan.gov.my.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh : 11 Syaaban 1441H bersamaan
5 April 2020

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

s.k :
Ketua Penolong Pengarah (PSM)
Penolong Pengarah (Perkhidmatan)
Penolong Pengarah (Prestasi & Kaunseling)
Penolong Pengarah (Latihan & Kompetensi)
Pegawai Psikologi
Penolong Pegawai Tadbir (Pembangunan Organisasi)
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Penolong Pegawai Tadbir (Perkhidmatan)
Penolong Pegawai Tadbir (Prestasi & Kaunseling)
Penolong Pegawai Tadbir (Latihan & Kompetensi)
Ketua Pembantu Tadbir (Pengurusan)
Ketua Pembantu Tadbir (Prestasi & Kaunseling)

HANTAR TANGAN : 14 APR 2020

HANTAR POS :



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2020

KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai persetujuan menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 7 Tahun 2019** berhubung dengan pemberian **Bantuan Sara Hidup (*Cost of Living Assistance - COLA*)** kepada **Anggota Perkhidmatan Awam Negeri**.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan pemberian Bantuan Sara Hidup melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012. Pemberian Bantuan Sara Hidup adalah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam.
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pemberian Bantuan Sara Hidup (*Cost of Living Assistance - COLA*).

3. PEGAWAI YANG LAYAK

3.1 Pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:

- a. Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
- b. Lantikan tetap, kontrak (*Contract of Service*), *Contract For Service (CFS)*.
- c. Diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;
- d. Diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
- e. Diluluskan Cuti Belajar Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian; atau
- f. Diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.

4. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

4.1 Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:

- a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- b. Memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- c. Dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
- d. Berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- e. Dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
- f. Dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup;
- g. Diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun; atau
- h. Bercuti tanpa gaji.

5. PEGAWAI LANTIKAN BERELAUN DAN SAMBILAN

Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup sejumlah RM13.04 sehari bagi pegawai lantikan berelaun dan sambilan tertakluk kepada para 6.3 & 6.4.

6. KAEDAH PELAKSANAAN DAN KADAR

6.1 Bantuan Sara Hidup dibayar mengikut tempat kerja (pejabat) pegawai atau institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara.

6.2 Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara di Sabah, Sarawak atau Labuan, kadar Bantuan Sara Hidup adalah mengikut Kawasan A.

6.3 Kadar Bantuan Sara Hidup adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Kadar Bantuan Sara Hidup

Kawasan	Kadar Sebulan (RM)	
	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana
Kawasan A	300	350
Kawasan B	250	300
Kawasan Lain	150	200

6.4 Kawasan A dan B adalah berdasarkan persempadanan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang ditetapkan seperti berikut:

Pihak Berkuasa Tempatan - Kawasan A

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Johor	Johor Bahru dan Iskandar Puteri

Pihak Berkuasa Tempatan – Kawasan B

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Johor	Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Pasir Gudang dan Segamat
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kemaman, Kuala Terengganu dan Dungun

6.5 Kadar Bantuan Sara Hidup bagi pegawai yang diperuntukkan Rumah Kerajaan adalah seperti berikut:

- a. Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada kelayakan pegawai; atau
- b. Rumah Kerajaan melebihi 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar penuh.

6.6 Pembayaran Bantuan Sara Hidup hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa **mulai 1 Januari 2020**.

8. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012, Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan: JPA(S)63/57/2 Klt.8 (97) bertarikh 8 Februari 2010 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil.6 Tahun 2012 adalah dibatalkan.

9. PEMAKAIAN

Pekeliling Perkhidmatan ini juga dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

Sekian, terima kasih

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"



(DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN TENGKU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan))
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

Bertarikh:

Kepada:

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Kota Darulnaim, KOTA BHARU